

Sebagai sebuah negara yang hidup bermasyarakat harus membentuk perpaduan di dalam komuniti. Malaysia perlu dikenali bukan hanya sebagai sebuah negara yang makmur dari segi ekonomi dan pembangunan, malahan perlu menjadi sebuah negara yang beridentitikan kepelbagaian agama, bangsa dan budaya, namun dapat bersama dalam suasana yang aman dan harmoni.

### DN 1.1: Memelihara Budaya Kerjasama dalam Komuniti Desa

#### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

##### Justifikasi Cadangan:

Penemuan strategik mendapati perpaduan masyarakat di Desa Johor masih kukuh. Oleh itu perkara ini dilihat sebagai satu potensi untuk dikembangkan lagi terutamanya dalam kalangan generasi muda.

##### Komponen Cadangan:

Kesedaran perlu wujud dalam kalangan masyarakat ke arah usaha membina peradaban dan mencapai status kemajuan bagi Desa Johor, terutamanya dalam merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, seharusnya bertunjangkan persefahaman, tolak ansur dan rasa hormat-menghormati.

Pendekatan integrasi menjadi tunjang agenda perpaduan negara membolehkan masyarakat berbilang bangsa dan agama di samping mengekalkan identiti dan ciri bangsa masing-masing.

##### Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan program melalui kerjasama awam dan masyarakat desa seperti :
  - ✓ Sukan Rakyat
  - ✓ Gotong-royong
  - ✓ Marhaban/Baraan & Berzanji
  - ✓ Rewang
  - ✓ Pengurusan Jenazah

Rajah 6.1: Langkah Membentuk Perpaduan Masyarakat



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

#### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini adalah berbentuk program dan inisiatif yang perlu diterapkan oleh setiap kampung yang terlibat dalam Kajian Hala Tuju Strategik Desa Johor.

Daerah	Kampung
Batu Pahat	681
Kluang	171
Mersing	118
<b>Jumlah</b>	<b>970</b>


#### AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPLB</li> <li>• BPEN</li> <li>• Pejabat Daerah</li> <li>• PBT</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• JAKOA</li> <li>• FELDA</li> <li>• FELCRA</li> </ul>

#### ANGGARAN KOS

- RM10,000 peruntukan permulaan bagi setiap kampung.
- RM 9,700,000 jumlah keseluruhan.

#### FASA PELAKSANAAN



## Justifikasi Cadangan

Kesepaduan dalam rakyat sebenarnya lahir daripada semangat penerimaan dan rasa hormat tinggi antara satu sama lain. Justeru, keutamaan harus diberikan kepada usaha membina sikap penerimaan diiringi nilai keluhuran budi pekerti dalam masyarakat. Keharmonian dan kesejahteraan dalam hubungan masyarakat akan hanya dapat diwujudkan jika setiap individu mempunyai pemahaman baik terhadap peranan masing-masing untuk menerapkan nilai murni dalam interaksi seharian. Antara aktiviti yang dapat meningkatkan perpaduan masyarakat adalah:

### Aktiviti Gotong-Royong

Mengadakan aktiviti gotong-royong di kawasan perumahan atau kampung dapat memupuk perpaduan masyarakat di Malaysia. Masyarakat yang berbilang kaum akan keluar untuk bekerjasama membersihkan taman-taman perumahan. Melalui aktiviti kemasyarakatan ini, mereka dapat mengeratkan hubungan dengan melakukan tugas bersama-sama.

### Aktiviti Liga Sukan Seperti Bola Sepak Antara Kampung

Pertandingan sukan secara liga boleh dilakukan antara kampung-kampung di dalam sesebuah daerah. Aktiviti ini dapat dilaksanakan secara konsisten pada setiap minggu. Tawaran hadiah diperlukan kepada pasukan yang memenangnya untuk terus membina dan memperkuat pasukan seterusnya beraksi ke peringkat yang lebih tinggi. Secara tidak langsung, aktiviti ini dapat menjalinkan hubungan yang baik di dalam dan luar kampung sekitar yang terlibat dengan liga ini.

### Aktiviti Bersosial Seperti Sukan Rakyat

Selain baik untuk diamalkan sebagai budaya hidup sihat, terdapat manfaat lain daripada aktiviti bersukan dalam komuniti seperti dapat menjalin dan mengeratkan ukhuwah dan merapatkan perpaduan dalam komuniti masyarakat. Sukan juga merupakan salah satu medium yang dapat menyatukan golongan muda untuk memupuk sikap bersosial dalam diri.

### Rewang

Rewang lebih menjurus kepada aktiviti yang dilakukan bersama-sama dalam bentuk kumpulan agak besar secara bergotong royong untuk menguruskan sesuatu majlis atau kenduri. Amalan yang sememangnya terkenal dalam masyarakat kampung ini mempunyai pelbagai manfaat selain daripada mewujudkan sikap kerja sama dan tolong menolong.



Foto: Aktiviti rewang agihan bubur lambuk di Mersing  
Sumber: Facebook, Pejabat Tanah Mersing, 2019



Foto: Gotong-royong kawasan perkuburan di Batu Pahat  
Sumber: Laman Rasmi Majlis Perbandaran Batu Pahat, 2021



Foto: Festival sukan rakyat di Kluang  
Sumber: Portal Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional